

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN NO. 380

Y.B. TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini hutang negara dan kadar peningkatannya khususnya selepas Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara pada Mei 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada akhir-2018, hutang langsung Kerajaan Persekutuan berjumlah RM741 bilion atau 51.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat sebanyak RM54.1 bilion berbanding RM686.8 bilion atau 50.1% daripada KDNK pada Disember 2017. Kedudukan ini adalah setelah selepas mengambil kira pinjaman kasar sebanyak RM131.6 bilion dalam tahun 2018. Daripada jumlah ini, sebanyak RM54 bilion telah diterbitkan mulai awal Januari sehingga pilihan raya umum ke-14, manakala baki sebanyak RM77.6 bilion telah diterbitkan selepas 9 Mei 2018. Kerajaan telah membuat bayaran balik pokok hutang langsung yang matang sebanyak RM22.1 bilion dalam tempoh Januari - April 2018 dan RM55.4 bilion dalam tempoh Mei - Disember 2018.
2. Sehingga akhir-Jun 2019 pula, hutang langsung Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM799.1 bilion atau 52.7% daripada (KDNK) dengan peningkatan sebanyak RM58.1 bilion berbanding akhir Disember 2018 (RM741 bilion; 51.2%). Jumlah pinjaman kasar bagi enam bulan pertama 2019 adalah sebanyak RM81.3 bilion di mana sebanyak RM23.2 bilion digunakan untuk membiayai semula hutang yang telah matang. Baki sebanyak RM58.1 bilion adalah untuk membiayai defisit fiskal Kerajaan bagi separuh pertama 2019 berjumlah RM22.4 bilion dan RM35.7 bilion pula adalah *prefunding* untuk membiayai semula hutang langsung yang akan matang dalam tempoh Julai - Disember 2019.
3. Berikutan kedudukan kewangan Kerajaan masih mengalami defisit, Kerajaan akan terus membuat pinjaman baharu setiap tahun bagi membiayai semula kertas hutang langsung yang matang serta defisit tahun semasa. Hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (*surplus*) selepas menampung perbelanjaan pembangunan. Lebihan ini akan digunakan untuk membiayai hutang langsung dan Kerajaan tidak perlu membuat pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung hutang syarikat 1MDB serta liabiliti lain seperti bayaran pajakan kewangan (finance lease) bagi tempoh 2018 - 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara Public-Private Partnership (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara off-budget melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran finance lease ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047.

5. Dari segi hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan berbanding KDNK, nisbah tersebut telah turun kepada 77.1% berbanding KDNK pada akhir-Jun 2019, daripada 79.3% pada akhir-2017.